

**DAYA SAING, HALANGAN
PERDAGANGAN DAN POTENSI
EKSPORT MINYAK
SAWIT DUNIA**

**HAKIMAH NUR AHMAD HAMIDI
NORLIN KHALID
ZULKEFLY ABDUL KARIM**

**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit**

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Pewaris Gemilang Sdn. Bhd.
No. 27G, Jalan Putra 8,
Taman Kajang Putra, 43000 Kajang, Selangor.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-258-6

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Senarai Singkatan ... 9

Prakata ... 13

BAB 1 Perkembangan Eksport Minyak Sawit Dunia ... 17

BAB 2 Cabaran Eksport Minyak Sawit Dunia ... 24

BAB 3 Faktor Mempengaruhi Daya Saing Eksport Minyak Sawit
Dunia ... 31

BAB 4 Indeks Halangan Perdagangan bagi Minyak Sawit di Negara
Rakan Dagangan ... 50

BAB 5 Potensi Eksport Minyak Sawit di Negara Rakan Dagangan ... 83

Rujukan ... 99

Indeks ... 109

Prakata

Buku ini bermula sebagai tesis yang dikemukakan untuk mendapat Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (2020). Tajuk asal tesis adalah *Daya Saing, Halangan Perdagangan dan Potensi Eksport Minyak Sawit Dunia*. Tesis berkenaan telah diubah suai menjadi buku yang berjudul sama untuk menjelaskan isu yang melibatkan prestasi industri minyak sawit dunia. Industri minyak sawit didominasi oleh dua negara utama, iaitu Malaysia dan Indonesia yang mana kedua-dua buah negara ini merupakan negara pengekspor minyak sawit utama di dunia. Namun begitu, industri minyak sawit berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedudukannya di pasaran antarabangsa, antaranya isu kawasan penanaman dan buruh yang terhad serta status kelestarian telah memberi impak kepada daya saing eksport dunia. Kemudian, eksport minyak sawit juga berdepan dengan halangan perdagangan yang semakin meningkat saban tahun melalui pelaksanaan bukan tarif ke atas eksport minyak sawit. Perkara ini seterusnya menimbulkan tanda tanya tentang potensi sebenar eksport minyak sawit di pasaran antarabangsa. Justeru, pemahaman yang mendalam tentang keseluruhan prestasi industri ini dari sudut daya saing eksport, impak halangan perdagangan dan potensi eksport adalah penting bagi memastikan industri ini terus memberikan pulangan yang tinggi kepada pendapatan negara dan kekal relevan di mata dunia.

Dalam bab ketiga, buku ini menekankan konsep daya saing eksport menggunakan konsep faedah berbanding. Hal ini kerana, penggunaan nilai eksport kasar atau bersih untuk menilai daya saing adalah kurang tepat dan dikhuatiri memberikan hasil anggaran yang kurang tepat. Dengan menggunakan model autoregresif lat tertabur (ARDL), faktor-faktor yang mempengaruhi daya saing eksport di Malaysia dan Indonesia akan ditentukan, antara faktor yang diambil kira ialah keluasan tanah tanaman kelapa sawit, harga, penggunaan domestik dan kadar pertukaran mata wang asing. Sehubungan dengan itu, buku ini juga memasukkan pemboleh ubah pensijilan kelestarian bagi melihat kepentingan polisi tersebut dalam membantu meningkatkan daya saing eksport minyak sawit. Seterusnya, bab keempat pula akan mengira indeks halangan perdagangan

(TRI) mengikut kerangka kerja Kee et al. (2009) yang mana indeks ini mengambil kira keseluruhan jenis polisi perdagangan, iaitu tarif dan pengukuran bukan tarif (NTM). Pengiraan indeks ini adalah lebih holistik berbanding pengukuran mudah yang dilakukan oleh sarjana terdahulu. Melalui indeks ini, tahap keterbukaan sesebuah negara terhadap produk minyak sawit di samping perbezaan tahap halangan perdagangan yang dikenakan kepada Malaysia dan Indonesia dapat dilihat. Kemudian, di dalam bab ini juga akan mengkaji impak TRI terhadap eksport minyak sawit Malaysia dan Indonesia termasuk melakukan analisis perbezaan kesan NTM teknikal dan bukan teknikal dengan menggunakan kaedah kebarangkalian maksimum poisson pseudo (PPML). Bab kelima pula akan membincangkan dari sudut potensi eksport. Andaian awal buku ini menyatakan kemungkinan wujud potensi eksport yang belum diterokai sepenuhnya kerana pengambilan dan penggunaan domestik minyak sawit di negara pengimport dilihat masih rendah dan mempunyai ruang untuk dipertingkatkan. Hal ini dikaitkan dengan tahap kecekapan teknikal (TE) dalam mengeksport sesuatu barangan.

Oleh itu, penulisan buku ini diharap mampu untuk, pertama, memberikan beberapa maklumat baru dan saranan yang berguna kepada kerajaan dan penggubal dasar bagi membantu industri minyak sawit berhadapan dengan setiap isu dan cabaran global, antaranya kerajaan harus peka dan memberikan penekanan terhadap faktor utama yang mempengaruhi daya saing eksport minyak sawit supaya setiap input yang digunakan dapat memberikan hasil dan pulangan yang maksimum. Pendedahan yang lebih meluas tentang kepentingan pensijilan kelestarian terhadap pengusaha minyak sawit dan pengguna di seluruh dunia juga perlu ditekankan bagi memastikan minyak sawit mampan mendapat tempat di pasaran antarabangsa. Kemudian, penggubal dasar boleh memanfaatkan nilai TRI yang telah dikira untuk merangka strategi baru bagi membantu pengeksport minyak sawit memenuhi setiap kriteria yang dituntut oleh negara rakan dagangan. Sehubungan dengan itu, penggubal dasar juga boleh menambah baik dasar-dasar sedia ada bagi memastikan industri sawit berjaya menembusi pasaran luar pada tahap yang maksimum. Kedua, penulisan buku ini adalah selari dengan hasrat universiti watan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dalam semua bidang termasuk komersial dan wacana kesarjanaan. Buku berbahasa Melayu yang membahaskan ekonomi antarabangsa adalah sangat tepat pada masanya. Karya ini diharap

dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada pembuat dasar, ahli akademik dan pelajar pada semua lapisan sehingga kepada peringkat doktor falsafah.

Jutaan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Buku ini mendapat manfaat daripada pelbagai aktiviti perkongsian ilmu di semua wacana dan forum peringkat universiti dan kebangsaan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli pengurusan tertinggi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) terutamanya Dekan FEP, Profesor Dr. Aini Aman yang telah menyediakan peluang dan ruang untuk melaksanakan penyelidikan buku ini. Penghargaan istimewa kepada ahli keluarga, rakan pensyarah dan kakitangan sokongan pada semua peringkat kerana tanpa kerjasama dan sumbangan mereka, pasti buku ini tidak dapat dihasilkan.

Dengan rasa rendah hati dan kesyukuran kepada yang Maha Esa, kami persembahkan buku ini kepada semua pembaca pada ketika ekonomi yang tidak stabil dan sedang membaik pulih selepas berlakunya pandemik COVID-19. Semoga setiap pembaca mendapat manfaat daripada pembacaan buku ini. Hanya kepada-Nya kita semua berserah dan pasrah.

Hakimah Nur Ahmad Hamidi

Norlin Khalid

Zulkefly Abdul Karim